

14 JUN 1998

DR MAHATHIR LANCAR KARNIVAL UNTUK DANA NEGARA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan karnival anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) untuk mengumpul sumbangan bagi Dana Khas Negara di Dataran Merdeka di sini.

Para pemimpin 14 parti komponen BN menghadiri karnival sehari itu bertemakan "Menjana Sokongan Menangani Kegawatan".

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, menerima sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk parti komponen BN dan tokoh korporat untuk dana itu.

Gerai-gerai yang mempromosikan barang dan perkhidmatan tempatan turut disediakan.

Beberapa acara menarik diadakan sempena karnival itu termasuk pertunjukan oleh pasukan terjun bebas yang berjaya di Kutub Utara baru-baru ini.

-- BERNAMA

RAZ MAI